

Headline	KELUARGA MYKASIH MEMBUAT BELIAN PETROL MENGGUNAKAN MYKAD		
MediaTitle	Shift	Color	Full Color
Date	11 Jul 2014	Circulation	20,000
Section	News	Readership	50,000
Page No	26	ArticleSize	536 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 2,127
Journalist	N/A	PR Value	RM 6,381
Frequency	Monthly		



## KELUARGA MYKASIH MEMBUAT BELIAN PETROL MENGGUNAKAN MYKAD



MyKasih Foundation merupakan sebuah organisasi amal yang telah ditubuhkan pada April 2009 yang menyediakan bantuan kepada keluarga yang kurang berasib baik dengan menyediakan bantuan makanan, pelajaran dan juga beberapa program latihan di bawahnya.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Komuniti, Datuk Paduka Hajah Azizah Datuk Panglima Hj. Mohd Dun telah melancarkan salah satu projek terbaru MyKasih iaitu program 'Love My Neighbourhood'. Berkennaan dengan program itu, pihak BHPetrol telah menaja 40 keluarga MyKasih dari Kampung Sg. Kayu Ara untuk mengisi petrol di stesen BHPetrol secara percuma selama satu (1) tahun.

Kesemua keluarga tersebut akan diberi bantuan mengisi petrol secara percuma pada motosikal yang digunakan oleh mereka bagi kegunaan har-

ian hanya dengan menggunakan MyKad mereka di stesen BHPetrol Kampung Sg. Kayu Ara.

Semasa pelancaran, Datuk Badlisham Ghazali, Pemegang Amanah MyKasih Foundation dan juga CEO MDeC telah menerangkan kelebihan sistem yang dibina melalui ePetrol ini. Teknologi sistem ini dangan kegunaan MyKad memudahkan MyKasih Foundation untuk memadamkan skim bantuan terhadap masyarakat mengikut kesesuaian setiap produk dan servis yang disediakan.

Sistem pembelian tanpa menggunakan wang ini lebih efektif untuk memastikan tiada penyalahgunaan terhadap dana yang diberikan. Bantuan yang diberikan akan terus diterima oleh penerima dan dengan mudah mereka boleh memeriksas segala bentuk bantuan mereka perolehi.

Dari awal lagi, MyKasih berjaya menguruskan segala bantuan dari penaja-penaja, pihak individu dan juga dari pihak korporat, agensi kerajaan dan juga kerajaan negeri. MyKasih Foundation akan terus bekerjasama dengan semua penyumbang untuk melaksanakan lebih banyak program yang boleh meningkatkan taraf hidup bagi mereka kurang berasib baik, sebaris dengan perlaksanaan yang turut dilakukan oleh pihak kerajaan.

"BHPetrol tersangat berbangga kerana mempunyai peluang untuk bersama-sama dengan MyKasih Foundation melaksanakan skim ini sebagai salah satu program CSR kami. Ini juga merupakan salah satu cara bagi kami membantu mereka yang kurang berasib baik dengan maa-salah kos sara hidup yang semakin meningkat", kata Pengarah Urusan BHPetrol, Mr. KT Tan.

EHT